

BAHASA ASING PENTING DALAM SOSIAL

BERITA HARIAN (28.20.2999)

# Bahasa asing penting dalam sains sosial

PELAJAR yang mengikuti pengajian dalam bidang sains sosial mesti memperkuatkkan penguasaan bahasa, termasuk bahasa asing, untuk membolehkan mereka berjaya serta mendapat tempat yang baik dalam pasaran kerjaya.

Dekan Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Qasim Ahmad, berkata keupayaan menguasai bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan Sepanyol akan membolehkan mereka mendapat pekerjaan bukan sahaja di dalam negara tetapi juga peringkat antarabangsa.

"Pelajar tidak sepatutnya terlalu menumpukan perhatian untuk mendapat pekerjaan di dalam negara tetapi sepatutnya melihat peluang yang terdapat di dunia luar.

"Sehubungan itu, pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang sains sosial perlu menguasai bahasa untuk berjaya. Keadaan mereka berbeza daripada pelajar sains yang mudah mendapat pekerjaan dengan bidang pengkhususan masing-masing.

"Jika mereka (pelajar sains sosial) bagus dalam bahasa seperti bahasa Inggeris dan Sepanyol, yang lain akan datang kemu-



DR QASIM  
... lihat dunia luar

dian," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di kampus tetap UMS di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Menyedari perkara itu, katanya, UMS sendiri menggalakkan pelajarnya mengambil kursus bahasa asing, selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Malah, di Sekolah Sains Sosial UMS sendiri, pelajar Sarjana Muda Sains Sosial yang membuat pengkhususan dalam bidang Hal Ehwal Antarabangsa umumnya diwajibkan mengambil satu

mata pelajaran bahasa asing, selain bahasa Inggeris.

Ketika ini, menurut Dr Qasim, pelajar terbabit mengikuti pengajian bahasa Sepanyol memandangkan bahasa itu adalah antara tiga bahasa yang mempunyai penutur paling ramai di dunia.

"Seluruh Amerika Latin bercakap bahasa Sepanyol. Jika dilihat konteks hubungan Selatan-Selatan, kita yakin jika pelajar kita menguasai bahasa ini, mereka mempunyai peluang untuk mendapat pekerjaan di negara itu," katanya.

Bagi memantapkan penguasaan bahasa Sepanyol di kalangan pelajarnya, Sekolah Sains Sosial UMS turut mengadakan kerjasama dengan Kedutaan Sepanyol untuk menganjurkan Malam Sepanyol di universiti itu tahun depan.

UMS kini merancang untuk memperkenalkan beberapa bahasa asing lain seperti bahasa Perancis dan Jerman kepada pelajarnya, terutama yang mengikuti pengajian dalam bidang Hal Ehwal Antarabangsa.

Sekolah Sains Sosial USM ketika ini menawarkan program Sarjana Muda Sains Sosial dengan peng-

khususan dalam lima bidang.

Selain Hal Ehwal Antarabangsa, sekolah itu turut menawarkan pengkhususan dalam bidang Komunikasi, Hubungan Industri, Sosiologi dan Antropologi Sosial serta Geografi.

Tahun depan, sekolah itu merancang untuk memperkenalkan satu lagi pengkhususan baru, iaitu dalam bidang Sejarah.

Menurut Dr Qasim, pengkhususan itu akan memberi tumpuan kepada sejarah Malaysia bermula dari sejarah kesultanan Melayu Melaka hingga kepada perkembangan politik 1990.

Selain itu, tumpuan juga akan diberikan kepada aspek pensejarahan Melayu, sejarah sosioekonomi serta sejarah Sabah dan Sarawak.

"Di samping itu, tumpuan juga akan diberikan kepada sejarah Asia Tenggara sebelum kolonialisme, Asia Tenggara sewaktu kolonialisme, nasionalisme serta modernan dan pembangunan Asia Tenggara.

"Selain tumpuan kepada sejarah Malaysia dan Asia Tenggara, pelajar juga akan didekah dengan sejarah Timur Tengah, Amerika Latin, Amerika Syarikat dan Asia Timur," katanya.